

## Berita-berita Ringkas Dari Alam Islami

### Mesir haramkan kapal terbang Amerika membawa senjata-senjata untuk Jordan

Menurut majalah mingguan *Radiant* dari Delhi menyatakan bahawa kerajaan Republik Arab Bersatu telah mengharamkan kapal terbang-kapal terbang pengangkut Amerika membawa senjata-senjata untuk pertahanan *Sharq al-Urdun* (Jordan).

Ini diumumkan oleh al-Malik Hussein di Petra (Jordan) pada 20 Februari yang lalu, sambil menyatakan bahawa yang demikian tidak menghalang persiapan-persiapan bagi menentang serangan Israel.

Al-Malik Hussein mengatakan bahawa dengan pengharaman Mesir atas singgahnya kapal terbang-kapal terbang di Mesir adalah “membawa sedikit kepayahan” tetapi kita akan mencari jalan lain membawa kapal terbang-kapal terbang baru Jet F-104 yang dipesan dari Amerika itu.

Al-Malik Hussein mengakui bahawa langkah Republik Arab Bersatu adalah membawa sedikit perubahan latihan-latihan kapal terbang tetapi persediaan-persediaan terus dijalankan. Baginda mensifatkan langkah Republik Arab Bersatu itu itu sebagai “bodoх” dan katanya “kita tidak mengetahui apa yang difikirkan hendak dibuatnya.”

\* \* \*

### Dalam Masa Lawatan al-Malik Hussein

di negeri Arab di Teluk Parsi Amir bagi negeri Abu Dhabi telah

menghadihkan sebanyak tiga million paun kerana pertahanan Jordan.

Amir negeri Qatar pula, al-Sheikh Ahmad ibn Ali al-Thani, telah menghadihkan sebanyak 500,000 paun, dan Amir Bahrain, al-Sheikh ibn Khalifah telah berderma sebanyak 250,000 paun.

Ketiga-tiga negeri ini ialah negeri yang kaya dengan hasil-hasil minyaknya.

\* \* \*

**Harta Al-Malik Faisal**, raja bagi kerajaan Arabiah Saudiah dan keluarganya yang disita oleh kerajaan Republik Arab Bersatu pada 10 Februari yang lalu berharga 20 million paun Mesir (47.5 milion dolar Amerika).

\* \* \*

**Saya terperanjat** melihat tulisan Nabi Muhammad (S.A.W) di dalam “*Children Encyclopedia*” karangan Arthur Mee yang diterbitkan oleh Fleetway House London, Jilid yang ke-4 muka 2279 – 2281- tulisan M.M.Beg dari Bombay.

\* \* \*

**Iran telah mengubah haluannya** dari Amerika apabila Soviet telah bersetuju memberi pinjaman untuk ketenteraan sebanyak 110 milion ringgit ini ialah pertama-tama sahabat Amerika menerima bantuan dari Russia.

Sebagai bayarannya Russia menerima gas-gas asli yang disalurkan dari telaga minyak Iran ke Rusia.

Tahun yang lalu Shah Iran telah meminta Amerika memberikan lebih bantuan-bantuan persenjataannya dengan menyatakan mungkin ia mengubah haluannya kepada Soviet Rusia untuk mendapatkan kapal terbang-kapal terbangnya. Amerika telah pun memberikan kapal terbang jetnya F. 104 iaitu kapal terbang yang termoden yang pernah diberikannya kepada sahabat-sahabatnya.

\* \* \*

### Iran dalam suatu perjanjian

yang ditandatanganinya pada bulan Februari yang lalu dengan serombongan ahli-ahli Bank British meminjamkan Iran sebanyak 13,755,000 paun kerana membantu pasukan Laut Diraja Iran menyiapkan pertama-tama empat buah kapal perang penjajahnya.

\* \* \*

**Kerajaan Jordan** pada penghujung bulan Februari yang lalu telah bersama-sama dengan Libya, Morocco dan Tunisia mengadakan hubungan semula dengan Jerman Barat. Sudan dan Algeria juga telah memikirkan hal yang demikian itu, sedang Republik Arab Bersatu telah memutuskan hubungan dengan Jerman Barat.